

UMP anjur program pengurusan bakat staf bukan akademik



Kuantan, 9 Oktober – Seramai 70 orang staf bukan akademik kategori Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional menyertai Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (Modul 2: Tahap Kompetensi dan Diskripsi Perilaku Staf) anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Gambang baru-baru ini.

Program bertujuan mengumpulkan input daripada pihak pengurusan universiti dan perwakilan bagi setiap gred perjawatan untuk diperincikan Model Kepimpinan dan Kompetensi Staf UMP melalui beberapa siri penambahbaikan yang dijadikan asas dan panduan dalam setiap perancangan dan pelaksanaan tindakan berkaitan pembangunan sumber manusia.

Menurut Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Hj. Safie yang hadir dalam program ini berkata, peserta program dipilih berdasarkan beberapa kriteria, terutamanya di kalangan mereka yang sentiasa aktif memberikan cadangan, pandangan, syor, komen dan kritikan.



"Maklumat yang diperlukan ini penting bagi memastikan objektif program dapat dicapai dalam usaha mendokong budaya kerja cemerlang melalui penghasilan kerja berkualiti dan berproduktiviti tinggi."

"Komitmen yang diberikan oleh semua ketua atau wakil bagi setiap skim atau gred perjawatan amat positif terutamanya daripada pihak pengurusan tertinggi dan ketua jabatan terutamanya melibatkan Bendahari, Ketua Pustakawan, Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Pemangku Pengarah Kerja Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH) dalam sesi memuktamadkan tahap kompetensi jawatan adalah sangat baik," katanya.

Menurutnya, hasil dapatan daripada program ini bakal digunakan dalam sesi Modul 3 selain merangka soalan-soalan yang akan digunakan dalam sesi penilaian terhadap staf UMP yang bergred 11 dan 32.

Di samping itu juga melalui program ini peserta dapat memperincikan pembangunan model yang meliputi klasifikasi, kompetensi, atribut, tahap kompetensi, tahap kompetensi jawatan dan rubrik tahap kompetensi.

Sementara itu, bagi perunding berpengalaman dalam bidang ini, Profesor Madya Haji Shoki berkata, pembangunan Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP ini meliputi program pengurusan bakat, pelan penggantian dan pra persaraan.



Katanya, pembangunan Modul 2 ini memerlukan komitmen dan tumpuan peserta secara maksimum kerana dapatan yang dihasilkan ini sangat penting dalam proses pelaksanaan pembangunan sumber manusia secara menyeluruh.

Bagi Mohd Badwi Yunus dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan berpendapat penglibatan pelbagai lapisan staf ini dapat memastikan ianya memenuhi kehendak dan aspirasi bukan sahaja oleh pihak pengurusan universiti tetapi juga oleh semua lapisan staf universiti. Begitu juga dengan staf PTMK, Sabri Ahmad Hisham yang menyatakan pelaksanaan pengurusan bakat dan pelan penggantian menjadi lebih efektif dan efisyen kerana pembentukannya mengambil kira semua pihak yang berkepentingan di universiti ini.

Disediakan Hazmin Aris dari Bahagian Latihan dan Kompetensi Staf, Jabatan Pendaftar dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 13-10-2015, 08:25:51